

Dana awam boleh diguna untuk manfaat rakyat pada masa hadapan

# Penjimatan langkah positif

Oleh **DHIYAZULHILMI DAUD**  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 31 Dis. - Usaha kerajaan memperkenalkan 11 langkah untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam mulai hari ini disifatkan sebagai langkah positif untuk manfaat rakyat pada masa hadapan.

Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Mohamad Nooruzuddin Nooh** berkata, penjimatan itu dapat digunakan untuk membaiki mutu sistem pengangkutan awam dan pendidikan negara ini.

"Hasilnya dana awam dapat digunakan kepada aktiviti-aktiviti yang lebih menguntungkan seperti meningkatkan mutu perkhidmatan awam di seluruh negara terutama bandar-bandar yang memerlukan jaringan pengangkutan bersepadu lebih cepat dan efisien.

"Selain itu, perbelanjaan terhadap sistem pendidikan negara juga dapat ditingkatkan sekali gus meringankan bebanan yang ditanggung ibu bapa," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Datuk Seri Najib Tun Razak semalam mengumumkan kerajaan telah mengambil keputusan melaksanakan 11 langkah bagi



**AMIR BAHARUDDIN**



**LEE LAM THYE**

mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula hari ini.

Menurut Perdana Menteri, usaha ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun ini.

Sementara itu penganalisis ekonomi, **Prof. Amir Baharuddin** menyifatkan usaha tersebut sebagai tindakan awal kepada pengumuman melibatkan langkah-langkah penjimatan lain untuk sektor awam.

"Ini merupakan langkah yang dapat memberi kesan pantas kerana melibatkan perkara dilihat kecil tetapi sentiasa memberi impak besar terhadap keseluruhan perbelanjaan kerajaan selama ini.

"Contohnya kos untuk mencetak kain pemidang seperti bunting dan banner me-



**KERATAN Utusan Malaysia, semalam.**

libatkan perbelanjaan yang besar kerana melibatkan semua program kerajaan di setiap kementerian dan agensi pada setiap hari. Bayangkan berapa jumlah kos yang telah berjaya dikurangkan untuk melakukan perkara ini sahaja?," katanya.

Dalam pada itu, Pemegang Amanah Yayasan Satu Malaysia, **Tan Sri Lee Lam Thye** berkata, walaupun pengurangan perbelanjaan tersebut dilihat masih kecil tetapi ini merupakan satu permulaan positif untuk Tahun Baharu 2014 terutamanya sebagai

teladan kepada semua rakyat untuk berbelanja secara sederhana dan berhemat.

"Saya berpendapat pemotongan kos kerajaan untuk menteri, timbalan menteri dan pegawai kanan kerajaan JUSA C ke atas perlu dikurangkan sebanyak 20 hingga 30 peratus.

"Selain itu kerajaan juga perlu memastikan tiada sebarang pembaziran dan penyelewengan dalam perbelanjaan awam melalui salah tadbir yang membawa kerugian lebih besar," katanya.